

28 DEC 2002

Melaka-Krismas

LEBIH 100,000 HADIR RUMAH TERBUKA KRISMAS PERINGKAT KEBANGSAAN

MELAKA, 28 Dis (Bernama) -- Lebih 100,00 pengunjung dari dalam dan luar Melaka termasuk pelancong asing menghadiri Rumah Terbuka Kebangsaan Krismas di Hang Tuah Mall di sini malam ini.

Ratusan ribu pengunjung mula berkumpul di Hang Tuah Mall yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Okt lepas, sejak pukul 3 petang tadi.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abd Rashid berkenan berangkat ke majlis berkenaan kira-kira pukul 9.15 malam.

Seri Paduka Baginda berdua yang diarak dengan kereta kuda dari Hotel Golden Legacy sejauh 1.5 kilometer menuju pentas diraja turut diiringi oleh Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin dan Toh Puan Marfuza Sheikh Osman.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Datin Seri Asmah Abd Rahman, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan isteri, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok.

Upacara perasmian bermula apabila Yang di-Pertuan Agong menekan butang elektronik di pentas diraja yang menyebabkan lampu-lampu yang di pasang di pokok-pokok Krismas di sepanjang Hang Tuah Mall, menyala serentak dan disusuli dengan percikan bunga api.

Para hadirin telah dihiburkan dengan persembahan penyanyi tanah air antaranya kumpulan Senario, Francisca Peter, Kenny Lee bersama kumpulan Baba dan Nyonya serta kumpulan kebudayaan masyarakat Portugis.

Rumah Terbuka Kebangsaan Krismas merupakan majlis penutup kepada enam program rumah terbuka anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada tahun ini.

Minggu lepas, Kedah menjadi tuan rumah program Rumah Terbuka Aidilfitri, Tahun Baru Cina pula diadakan di Ipoh pada 16 Feb lepas, Rumah Terbuka Gawai di Kuching pada 8 Jun lepas, Tadau Keadamatan di Kota Kinabalu pada 15 Jun lepas dan Deepavali di Seremban pada 4 Nov lepas.

Terdahulu dalam ucapannya, Ketua Menteri Melaka berkata rumah terbuka Krismas ini menunjukkan keharmonian dan perpaduan kaum yang terdapat di Malaysia terutamanya di Melaka yang telah mengamalkannya sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Beliau berkata iklan mengenai rumah terbuka itu bukan sahaja dibuat di Malaysia sebaliknya di luar negara terutama di Internet dan buktinya ramai pengunjung dari Singapura, Britain, Belanda, Portugal, Indonesia dan Thailand turut hadir pada malam ini.

Mohd Ali berkata Melaka bersedia untuk menganjurkan rumah terbuka seumpama ini pada tahun hadapan jika diberi peluang oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Manakala Abdul Kadir berkata kehadiran Yang di-Pertuan Agong dalam keenam-enam program rumah terbuka anjuran kementeriannya menunjukkan sokongan diraja terhadap program yang dijalankan.

"Ini menunjukkan simbol tegas tentang kerajaan dan negara yang menghormati dan menyanjungi semua rakyatnya tidak mengira agama, kaum dan adat resam," katanya.

Beliau berkata jika selama ini majlis-majlis seperti itu hanya dapat

dilihat ketika Hari Raya sahaja dan di dalam kelompok yang kecil pula, namun kini ianya telah menjadi besar hingga menjangkau ke perayaan kaum-kaum lain yang tidak terdapat di mana-mana tempat di dunia ini juga di negara-negara jiran.

"Ini akan membantu mempercepatkan lagi proses pembentukan bangsa Malaysia yang sejati akan menjadi lebih mudah...secara tidak langsung dapat mempertingkatkan keceriaan di kalangan lapisan masyarakat," katanya.

-- BERNAMA

SBS NO MYD HM